Asyraf Wajdi yang juga Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) berkata, antara rasional utama akta tersebut ialah bagi melindungi guru-guru yang bertindak mengikut prosedur.

Terkini



Politik | Wartawan Edisi 9 - 20 July 2026

Hormati perjanjian pembentukan Kerajaan Perpaduan sehingga PRU-16

SEMUA pihak diminta agar menghormati perjanjian pembentukan Kerajaan Perpaduan peringkat Persekutuan antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH)...



Politik

AMH desak menteri, timbalan menteri BN letak jawatan

Wartawan Edisi 9 - 19 July 2026



Sukan

Layan 'final' Piala Dunia dan Semarak Subuh bersama TPM

Wartawan Edisi 9 - 19 July 2026



Umum

Exco Johor: Enam kekal portfolio, empat lantikan baharu

Wartawan Edisi 9 - 18 July 2026



Berita

Menanggung bersama krisis beban mental dalam darjah

Editor Edisi 9 - 18 July 2026

Mesti Baca

Politik | 19 July 2026
AMH desak menteri, timbalan menteri BN letak jawatan

Umum | 18 July 2026
Exco Johor: Enam kekal portfolio, empat lantikan baharu

Sukan | 19 July 2026
Layan 'final' Piala Dunia dan Semarak Subuh bersama TPM

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 JULAI 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	Merdeka Times
TAJUK	Sudah tiba masa gubal Akta Perlindungan Guru
PAUTAN	https://tinyurl.com/3upfay22

TERKINI

Sudah tiba masa gubal Akta Perlindungan Guru – Asyraf Wajdi

Published 1 week ago on July 16, 2026
By **Wartawan TMT**



Foto: Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

- Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, keperluan terhadap akta berkenaan semakin mendesak susulan kebimbangan bahawa guru kini lebih terdedah kepada tindakan undang-undang, ancaman dan tekanan ketika melaksanakan tanggungjawab mereka.
- "Sudah tiba masanya Akta Perlindungan Guru digubal bagi melindungi guru yang bertindak dengan suci hati (*good faith*), secara munasabah dan mengikut prosedur untuk mengawal disiplin serta keselamatan pelajar," katanya menerusi hantaran di Facebook.

KUALA LUMPUR – Kerajaan disaran menggubal Akta Perlindungan Guru bagi melindungi golongan pendidik yang mengambil tindakan secara munasabah, dengan niat baik serta mematuhi prosedur ketika mengawal disiplin dan menjaga keselamatan pelajar.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, keperluan terhadap akta berkenaan semakin mendesak susulan kebimbangan bahawa guru kini lebih terdedah kepada tindakan undang-undang, ancaman dan tekanan ketika melaksanakan tanggungjawab mereka.

TERKINI POPULAR VIDEO



TERKINI / 55 seconds ago
Perjanjian nuklear Saudi terbatal jika Riyadh enggan iktiraf Israel – Trump



TERKINI / 49 minutes ago
PRN NS: Aminuddin Kekal Calon MB, Tiada Calon Lain Dipertimbangkan – Loke



TERKINI / 1 hour ago
11 Lelaki didakwa jadi ahli kumpulan jenayah terancang Geng Vinod



TERKINI / 5 hours ago
eFishery: SPRM mula siasatan, 10 saksi dirakam percakapan



TERKINI / 5 hours ago
Projek Terowong: CZBUCG, Kerajaan P. Pinang adakan mesyuarat sebelum tender terbuka

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 JULAI 2026 (JUMAAT)**	
MEDIA	Malaysia Gazette
TAJUK	Perlu gubal Akta Perlindungan Guru lindungi guru niat baik kawal disiplin pelajar
PAUTAN	https://tinyurl.com/mvfd9jky

Home › Utama › Perlu gubal Akta Perlindungan Guru lindungi guru niat baik kawal disiplin pelajar...

UTAMA

Perlu gubal Akta Perlindungan guru niat baik kawal disiplin pe

Oleh **Wartawan MalaysiaGazette** - 16 July 2026



Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki

KUALA LUMPUR – Akta Perlindungan Guru perlu digubal bagi melindungi pendidik yang bertindak dengan niat baik, secara munasabah dan mengikut prosedur ketika mengawal disiplin serta keselamatan pelajar.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, saranan itu kerana guru kini semakin terdedah kepada tindakan undang-undang, ancaman dan tekanan ketika melaksanakan tanggungjawab mereka.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 JULAI 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	Wilayah
TAJUK	KEDA prioritises Padang Terap residents for jobs as Kedah Rubber City expands employment opportunities
PAUTAN	https://tinyurl.com/ykcrv3vc



Home / Featured / KEDA prioritises Padang Terap residents for jobs as Kedah Rubber City expands employment opportunities

Featured Voices & Opinion

KEDA prioritises Padang Terap residents for jobs as Kedah Rubber City expands employment opportunities

Editor · 1 week ago · 2 minutes read

PADANG TERAP: The Kedah Regional Development Authority (KEDA) is intensifying efforts to ensure residents of Padang Terap are among the primary beneficiaries of employment opportunities created through the development of Kedah Rubber City (KRC), with priority to be given across operational, technical and management positions.

KEDA chairman Datuk Seri Mahdzir Khalid said the agency is working closely with relevant ministries and stakeholders to maximise local participation in the industrial hub, ensuring economic growth generated by the project translates into meaningful employment for surrounding communities.

He said creating quality jobs for local residents has always been one of the key objectives behind the establishment of KRC, particularly for youths living in KEDA settlements across Padang Terap.


According to Mahdzir, KEDA recently facilitated the participation of 109 local applicants from its settlements during a factory recruitment exercise held on July 11, giving them an opportunity to compete for positions offered by companies operating within the industrial development.

He noted that the recruitment exercise attracted thousands of job seekers from various parts of the country, but expressed hope that employers would give appropriate consideration to qualified candidates from Padang Terap before filling vacancies with applicants from outside the district.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 JULAI 2026 (JUMAAT)**	
MEDIA	TV3
TAJUK	PAC gesa FELCRA patuhi SOP elak kerugian pelaburan
PAUTAN	https://tinyurl.com/mv8j99pu



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 JULAI 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	TV3
TAJUK	PAC gesa FELCRA patuhi SOP elak kerugian pelaburan
PAUTAN	https://tinyurl.com/mv8j99pu

Tangani segera kelewatan projek

Projek ini berjalan dengan baik, tetapi jika isu-isu sampingan seperti pengalihan utiliti tidak ditangani segera, **ia berpotensi melambatkan keseluruhan pelaksanaan projek.**



KEADAAN terkini Jalan Kupang-Bajau yang sedang giat dibina.

OSMAN RAZALI

SARATOK: Sebarang isu yang timbul di tapak pembinaan projek perlu ditangani segera bagi mengelakkan kelewatan pelaksanaan, tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kalaka, Mohamad Duri.

Beliau menegaskan, langkah pencegahan awal amat penting kerana sesuatu projek yang berjalan mengikut jadual sekali pun boleh terjejas sekiranya masalah sampingan dibiarkan berlarutan.

"Mencegah lebih baik daripada merawat.

"Jika kita mengesan ada isu di tapak projek, semua pihak yang bertanggungjawab perlu bertindak segera sebelum ia menjadi lebih besar dan menjejaskan kemajuan kerja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui *Suara Sarawak* selepas mengadakan lawatan ke tapak pembinaan Jalan Kupang-Bajau, semalam.

Menurutnya, hasil lawatan mendapati kemajuan fizikal projek itu berada pada tahap memberangsangkan apabila mencapai 48.53 peratus, sekali gus mendahului jadual sebanyak 7.31 peratus.

Bagaimanapun, beliau berkata, beberapa isu berkaitan pengalihan utiliti seperti kabel elektrik dan saluran paip perlu diselesaikan segera bagi memastikan momentum pembinaan tidak terjejas.

"Projek ini berjalan dengan baik, tetapi jika isu-isu sampingan seperti pengalihan utiliti tidak ditangani segera, ia berpotensi melambatkan keseluruhan pelaksanaan projek.

"Inilah yang kita mahu elakkan. Saya percaya melalui perbincangan secara terus antara Jabatan Kerja Raya (JKR), kontraktor, perunding serta Sarawak Energy, segala isu yang timbul dapat diselesaikan dengan baik," ujarnya.

Mohamad menambah, projek pembinaan Jalan Kupang-Bajau bernilai RM112.9 juta di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) itu dijadualkan siap pada 14 September 2027, dan beliau berharap sasaran tersebut dapat dicapai seperti dirancang.

"Kita mahu rakyat menikmati kemudahan jalan ini mengikut jadual.

"Insya-Allah, dengan komitmen dan kerjasama semua pihak, sasaran itu mampu dicapai," tegasnya.

Dalam pada itu, beliau turut berharap kerja-kerja pembinaan jambatan di sepanjang jajaran jalan berkenaan yang dilihat masih bergerak perlahan dapat dipercepatkan bagi memastikan keseluruhan projek dapat disiapkan tanpa sebarang kelewatan.

Beliau juga menzahirkan keyakinan, sikap profesional serta kerjasama erat antara semua agensi dan pihak terlibat akan memastikan projek berimpak tinggi itu terus dilaksanakan dengan lancar demi manfaat penduduk setempat.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 JULAI 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	Daily Express
TAJUK	FELCRA's oil palm procurement under scrutiny
PAUTAN	https://tinyurl.com/ythxxasj

Felcra's oil palm procurement under scrutiny

THE Federal Land Consoliadtion and Rehabilitation Authority (Felcra) Bhd must seriously implement the Public Accounts Committee's (PAC) recommendations on oil palm plantation procurement management and comply with all statutory requirements.

PAC chairman Datuk Mas Ermieyati Samsudin said full compliance with the newly strengthened procurement standard operating procedures (SOP) was crucial to ensure the sustainability of the company's investments.

"It is also important to avoid the risk of future lossess and safeguard the company's long term financial stability," she said at a press conference at Parliament.

Mas Ermieyati said the PAC tabled a report on follow-up actions taken by ministries and agencies on recommendations contained in its report on Felcra's oil palm plantation procurement management under the MInistry of Rural and Regional Development (KKDW).

She said the report detailed follow-up actions taken by KKDW and Felcra on nine recommendations made by the PAC following governance weaknesses in the procurement of four commercial oil palm palntations, as highlighted in the Auditor-General's Report 2/2023.

To ease the company's financial burden, she said Felcra had decided to defer any new commercial land bank acquisitions and prioritise its Estate Replanting Programme, which involves an allocation of RM52 million.

On investment performance, she said fluctuating operating costs and the need for large-scale replanting had shifted the projected return on investment (ROI) for the Telupid Estate from the original target of the month year to the 19th year in 2040.

Following this, the PAC has requested that future financial simulation on incorporate break-even analysis.

Mas Ermieyati also said Felcra's new SOP requires external consultants' viability assessment reports to be presented to the board of directors and introduces a cooling-off period of between 15 and 30 days before agreements are signed.

"However, the PAC stresses that compliance with the SOP is critical as its effectiveness has yet to be tested because no new commercial asset acquisitions have been carried out.

"In conclusion, Felcra Bhd must be serious in implementing the recommended actions and comply with all statutory requirements that have been set," she said. – Bernama

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 JULAI 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	Utusan Sarawak
TAJUK	Dewan Rakyat: KKDW tegaskan tiada projek Sabah, Sarawak ditangguhkan berikutan krisis Selat Hormuz
PAUTAN	https://tinyurl.com/msxxwrtd

Utusan Sarawak

TEMPATAN NASIONAL KOLUMNIS INSPIRASI JENAYAH BISNES SUKAN GLOBAL IKLAN

Advertorial Kebakaran Kemalangan Kesihatan Mahkamah Pendidikan

Dewan Rakyat: KKDW tegaskan tiada projek Sabah, Sarawak ditangguhkan berikutan krisis Selat Hormuz

Facebook X LinkedIn WhatsApp Telegram



KUALA LUMPUR: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) memberi jaminan bahawa tiada projek infrastruktur kritikal luar bandar di Sabah dan Sarawak ditangguhkan susulan penstrukturan semula bajet kerajaan yang dibuat berikutan krisis Selat Hormuz.

Jaminan itu diberikan dalam jawapan lisan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah di Dewan Rakyat semalam bagi menjawab soalan Ahli Parlimen Betong, Dato Dr. Richard Rapu, semalam.

Dr. Richard meminta kementerian menyatakan projek-projek infrastruktur kritikal luar bandar yang ditangguhkan akibat penstrukturan bajet susulan krisis Selat Hormuz serta jaminan bahawa langkah penjajaran semula itu tidak akan melambatkan pelaksanaan projek infrastruktur dan utiliti asas di Sabah dan Sarawak.

TERKINI



Idris Jala dedah hidap kanser paru-paru tahap 3C
Utusan Sarawak · July 24, 2026

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala mendedahkan beliau disahkan menghidap kanser paru-paru tahap 3C



JHS cipta rekod MBR tanam 82 spesies

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 JULAI 2026 (JUMAAT)**	
MEDIA	NST
TAJUK	Act needed to shield teachers, says Asyraf
PAUTAN	https://tinyurl.com/mvz8rsxv



Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki

LEGAL PROTECTION

Act needed to shield teachers, says Asyraf

KUALA LUMPUR: A Teachers' Protection Act should be introduced to safeguard educators who act in good faith, reasonably and in accordance with established procedures while carrying out their duties.

Mara chairman Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki said such protection was necessary, particularly for teachers who took action to maintain discipline and ensure students' safety.

He said there had been frequent calls for the proposed act amid concerns that educators were increasingly exposed to legal action, threats and pressure while carrying out their duties.

"Teachers are often required to make immediate decisions to maintain discipline, ensure safety or respond to emergencies.

"If such actions are taken in accordance with the law and Education Ministry guidelines, they should not be easily subjected to civil or criminal proceedings merely because of dissatisfaction with their actions," he posted on Facebook yesterday.

Asyraf said school disputes were increasingly being brought before the courts, adding that the proposed act could introduce mechanisms such as investigations or mediation before legal proceedings were initiated.

He said the legislation could also provide legal assistance or government indemnity for teachers who acted within the scope of their official duties, as many had to bear their own legal costs when facing legal action.

"If teachers are constantly worried about being sued, they may become overly cautious and reluctant to take disciplinary action.

"This could adversely affect school management and students' character development.

"Reasonable legal protection would enhance respect and confidence in the teaching profession, thereby helping to attract and retain talent in the education sector," he said.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 JULAI 2026 (JUMAAT)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Sudah tiba masanya Akta Perlindungan Guru digubal
PAUTAN	https://tinyurl.com/5cw57hj7

Sudah tiba masanya Akta Perlindungan Guru digubal

SHAH ALAM - Sudah tiba masanya Akta Perlindungan Guru digubal bagi melindungi warga pendidik yang dilihat semakin terdedah kepada tindakan undang-undang, ancaman dan tekanan ketika melaksanakan tugas mereka.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, akta yang dicadangkan itu bagi melindungi guru yang bertindak dengan suci hati, secara munasabah dan mengikut prosedur dalam mengawal disiplin serta menjaga keselamatan pelajar.

"Antara rasional utama termasuklah melindungi guru yang bertindak mengikut prosedur. Guru sering membuat keputusan serta-merta untuk mengawal disiplin, keselamatan atau kecemasan.


ASYRAF WAJDI

"Jika tindakan dibuat mengikut undang-undang dan garis panduan Kementerian Pendidikan, mereka tidak seharusnya mudah dikenakan tindakan sivil atau jenayah semata-mata kerana tidak puas hati," katanya dalam satu hantaran di Facebook.

Asyraf Wajdi menjelaskan, penggubalan akta itu juga bagi mengurangkan budaya litigasi ekoran terdapat peningkatan kecenderungan membawa pertikaian sekolah ke mahkamah.

Menurutnya, akta berkenaan boleh mewujudkan mekanisme penyelesaian awal seperti siasatan atau mediasi sebelum tindakan mahkamah diambil.

Kata beliau, perlindungan undang-undang yang munasabah menjadikan profesion guru lebih dihormati dan diyakini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 JULAI 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	PERDA pacu ekonomi luar bandar Pulau Pinang
PAUTAN	https://tinyurl.com/yc3ynfm4

PERDA pacu ekonomi luar bandar Pulau Pinang

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA - Usaha berterusan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) memperkukuh pembangunan luar bandar terus diterjemahkan menerusi peranan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang kini muncul antara pemacu utama pembangunan ekonomi bumiputera di Pulau Pinang.

Ia dilaksanakan melalui melalui pembangunan usahawan, industri halal, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), perumahan mampu milik serta keterjaminan makanan.

Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PERDA, Datuk Ir Dr Shaik Hussien Mydin berkata, agensi berkenaan sejak awal penubuhannya memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat luar bandar termasuk memperkasa masyarakat luar bandar agar memiliki peluang ekonomi yang lebih mampan, berdaya saing dan mampu meningkatkan taraf hidup secara berterusan.

Menurut beliau, PERDA yang ditubuhkan pada 1983 kini memfokuskan pembangunan di kawasan kampung melibatkan lima kawasan Parlimen luar bandar di Pulau Pinang.

"Tumpuan kami adalah membangunkan ekosistem luar bandar yang lengkap merangkumi pembangunan usahawan, penyediaan perumahan berkualiti, pembangunan modal insan serta peningkatan kesejahteraan masyarakat selaras dengan aspirasi Malaysia Madani dan hala tuju KKDW," katanya dalam Podcast Cerita Desa Kita Episod 4.

Beliau berkata, antara kekuatan utama PERDA ialah keupayaannya menyediakan bantuan secara menyeluruh bermula daripada pembiayaan, latihan, penyediaan premis sehingga peluang pasaran kepada usahawan.

"Sama ada bantuan perumahan mahupun sokongan keusahawanan, PERDA menyediakan ekosistem pembangunan yang menyeluruh bermula daripada latihan, pembiayaan, penyediaan premis, pembangunan kapasiti sehingga akses kepada pasaran bagi memastikan masyarakat luar bandar mampu berkembang daripada penerima bantuan kepada pencipta peluang ekonomi," katanya.

Shaik Hussien berkata, pendekatan itu diterjemahkan secara lebih agresif menerusi pembangunan industri halal yang kini dilihat bukan lagi sekadar sektor sokongan, sebaliknya antara pemacu ekonomi baharu luar bandar dengan potensi pasaran berskala antarabangsa.

Menurut beliau, PERDA mula membangunkan sektor tersebut sejak 2005 menerusi penyediaan hampir 100 ekar (40 hektar) tanah untuk industri halal selain memperluaskan fasiliti sedia ada melalui pembangunan Halal Park Fasa 2 melibatkan kos RM35 juta.



FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR

Shaik Hussien (kanan) dalam Podcast Cerita Desa Kita Episod 4 bertajuk Lebih Empat Dekad Membina Wilayah Utara, yang dihoskan oleh Ketua Komunikasi Korporat KKDW, Nor Najihah Sukor.

> Tumpuan kami adalah membangunkan ekosistem luar bandar yang lengkap merangkumi pembangunan usahawan, penyediaan perumahan berkualiti, pembangunan modal insan serta peningkatan kesejahteraan masyarakat selaras dengan aspirasi Malaysia Madani dan hala tuju KKDW."
>
> -Shaik Hussien

"Sektor halal merupakan antara pemacu utama ekonomi yang bernilai berbilion ringgit. Jadi PERDA menyediakan pelbagai platform dan peluang kepada usahawan di Pulau Pinang, khususnya usahawan bumiputera, untuk menceburi serta mengembangkan perniagaan dalam industri halal.

"Ramai jutawan halal di Pulau Pinang adalah bermula daripada PERDA termasuklah Jeruk Madu Pak Ali yang berkembang melalui kemudahan lilang disediakan oleh PERDA, yang sehingga kini masih dimiliki oleh PERDA.

"Kita memberikan bantuan kewangan tanpa faedah, sewa bangunan paling murah. Tidak ketinggalan PERDA menyediakan kursus-kursus usahawan yang merangkumi perakaunan sehingga pemasaran secara percuma," kata Shaik Hussien.

Beliau berkata, kejayaan usahawan tidak hanya bergantung kepada bantuan kewangan, sebaliknya memerlukan pembentukan minda, daya tahan dan keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran.

EXPERT bantu usahawan adaptasi digital

Penganjuran Expo PERDA (EXPERT) turut menjadi platform strategik mempertemukan usahawan dengan agensi kerajaan, institusi kewangan, pemain industri dan bakal pelabur bagi memperluaskan jaringan perniagaan serta meningkatkan daya saing perusahaan luar bandar.

Shaik Hussien berkata, program berkenaan bukan hanya memberi ruang jualan kepada usahawan kecil dan sederhana, malah membuka peluang *networking* bersama agensi kerajaan, pemain industri serta usahawan berjaya.

Menurut beliau, penganjuran EXPERT turut dijadikan medium mempercepatkan proses adaptasi digital dalam kalangan usahawan apabila semua transaksi pembayaran dilaksanakan secara dalam talian.

Fokus pembangunan TVET

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, PERDA kini memberi perhatian besar terhadap pembangunan TVET melalui Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-Tech) di Nibong Tebal yang menawarkan latihan kemahiran mengikut kehendak industri semasa.

Katanya, antara bidang diberikan tumpuan termasuk automotif, fesyen, kimpalan dan teknologi kenderaan elektrik (EV) susulan permintaan tinggi terhadap tenaga kerja mahir di dalam serta luar negara.

"Kita juga ada pusat belajar untuk EV BYD. Semua di Perda Tech yang disediakan secara percuma," katanya.

Shaik Hussien berkata, persepsi masyarakat yang selama ini melihat TVET sebagai pilihan kedua perlu diubah kerana sektor tersebut kini menawarkan peluang kerjaya lebih pantas dengan pendapatan kompetitif.

"TVET adalah yang terbaik di dunia, bukan hanya di Malaysia. Negara kekurangan pakar yang mempunyai kemahiran *hands-on*," katanya.

Beliau berkata, antara kursus yang mendapat permintaan tinggi ialah kimpalan bawah laut yang mampu memberikan pendapatan hampir RM10,000 kepada graduan sebaik memasuki pasaran kerja.

INFO

- Agensi pembangunan luar bandar utama di Pulau Pinang sejak 1983
- Fokus kepada pembangunan usahawan bumiputera dan masyarakat kampung
- Pemacu industri halal terbesar di utara Malaysia
- Sediakan melebihi 100 ekar tanah untuk pembangunan industri halal
- Bangunkan Halal Park Fasa 2 bernilai RM35 juta
- Sediakan premis perniagaan pada kadar sewaan murah
- Beri pinjaman tanpa faedah kepada usahawan
- Lahirkan ramai jutawan halal dari Pulau Pinang
- Jeruk Madu Pak Ali antara usahawan berjaya dibantu PERDA
- Anjur Expo PERDA (EXPERT) sebagai platform jaringan perniagaan usahawan
- Terap budaya perniagaan digital dan pembayaran tanpa tunai
- Sediakan kursus keusahawanan percuma termasuk pemasaran dan perakaunan
- Operasikan Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-Tech) di Nibong Tebal
- Tawar latihan TVET dalam bidang automotif, fesyen dan kimpalan
- Wujud kelas latihan EV dengan kerjasama BYD
- Sediakan pengajian, makanan dan hostel percuma kepada pelajar layak
- Bina lebih 10,000 rumah mampu milik untuk rakyat Pulau Pinang
- Laksana skim rumah sewa beli sekitar RM200 sebulan
- Kekalkan hampir 1,000 ekar tanah pertanian demi keterjaminan makanan
- Bantu usahawan eksport produk ke luar negara

Penyediaan rumah mampu milik

Selain membantu pembangunan modal insan, PERDA turut meneruskan agenda sosial menerusi penyediaan rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah di Pulau Pinang termasuk skim sewa beli pada kadar sekitar RM200 sebulan.

Menurut beliau, lebih 10,000 rumah telah dibangunkan PERDA setakat ini dan kebanyakannya kini menjadi aset bernilai tinggi kepada pemilik asal.

Beliau berkata, penyediaan perumahan mampu milik bukan sekadar memenuhi keperluan memiliki tempat tinggal, malah menjadi pemangkin kepada peningkatan taraf hidup, kestabilan ekonomi keluarga dan kesejahteraan komuniti luar bandar secara menyeluruh.

"Kita mahu PERDA terus menjadi rakan pembangunan yang dipercayai oleh rakyat dalam memperkasa komuniti luar bandar melalui peluang ekonomi, pembangunan modal insan dan kesejahteraan yang mampan agar manfaat pembangunan dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat," katanya.

www.rurallink.gov.my Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah kkdw_gov